

07 AUG 1996

PERDANA MENTERI TURKI LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Turki Dr Necmettin Erbakan dijadual melakukan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia mulai 16 Ogos bagi membincangkan isu-isu dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut kenyataan Kementerian Luar hari ini, kedua-dua pemimpin akan juga bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau Asia Tenggara dan Asia Barat.

Beliau juga dijadual berucap kepada pelajar Universiti Islam Antarabangsa dan mendengar taklimat mengenai rancangan pembangunan ekonomi Malaysia di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di sini.

Lawatan itu merupakan yang pertama bagi Erbakan ke Malaysia sejak dilantik Perdana Menteri pada Jun tahun ini.

Beliau akan diiringi rombongan 240 anggota terdiri daripada menteri kabinet, pegawai kanan kerajaan, ahli perniagaan dan wakil media massa.

-- BERNAMA

NI AHH